

Headline	Potensi bisnes `trillion dollar`		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	19	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,491



INDUSTRI PERABOT HIJAU

Potensi bisnes 'trillion dollar'

Putrajaya

P

erkembangan dan pembangunan industri perabot hijau berpotensi menjadikan industri itu sebagai *the next trillion dollar business*.
Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof yang juga Menteri Perlindungan dan Komoditi berkata, industri perabot hijau dapat meningkatkan industri perabot di Malaysia selain menyumbang peningkatan ekonomi hijau di negara ini.

Beliau berkata, pembuatan perabot hijau yang menggunakan bahan semula jadi tidak mengandungi bahan berbahaya dan tidak melepaskan gas berbahaya, berupaya me-

ngurangkan pencemaran alam sekitar.

"Ini kerana penggunaan perabot keperluan pada masa kini. Ia boleh menjadi punca pencemaran kepada alam sekitar jika tidak diurus dengan sempurna.

"Saya menyarankan dalam membangunkan (industri) perabot hijau, perkara itu perlulah dilihat secara holistik kerana setiap ekosistem penghasilan perabot menyumbang kepada penghasilan jejak karbon," katanya pada majlis makan malam Simposium Perabot Hijau Kebangsaan 2023 di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan

Malaysia (FRIM) Dr Ismail Parlan. Fadillah berkata, usaha FRIM mengiktiraf syarikat di Malaysia dengan pengiktirafan perabot hijau di bawah Skim Pensijilan Perabot Hijau FRIM mampu membawa impak positif.

"Ini kerana usaha itu mampu meningkatkan kredibiliti dan daya saing syarikat seterusnya mem-

**“
Penggunaan
perabot
keperluan pada
masa kini
Fadillah Yusof**”



FADILLAH (kanan) melihat perabot semasa melawat reruai pameran perabot hijau ketika majlis Makan Malam Simposium Perabot Hijau Kebangsaan 2023, semalam.

bantunya memasarkan produk perabot hijau di pasaran domestik dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, eksport perabot kayu penyumbang utama keseluruhan eksport industri perkayuan negara dengan mencatatkan nilai eksport RM11.1 bilion daripada keselu-

han eksport industri perkayuan negara iaitu RM25.2 bilion tahun lalu. "Produk perabot kayu negara mempunyai kualiti pembuatan tinggi dan rekaan menepati kehendak pengguna di peringkat global," katanya.

Simposium Perabot Hijau Kebangsaan 2023 ber-

temakan 'Melestarikan Industri Ke Arah Ekonomi Kitaran' anjuran FRIM dengan kerjasama pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) disertai lebih 200 peserta daripada wakil agensi kerajaan, peserta industri dan pegawai penyelidik dalam bidang industri.